

PROMOSI HARI MERDEKA eDEPOSIT TETAP/eDEPOSIT TETAP-i ([English Version](#))

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Hari Merdeka eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 20 Ogos 2026 dan berakhir pada 2 September 2026, ("**Tempoh Promosi**") termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah had saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 9** di bawah, mengikut mana-mana yang awal, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang baharu dan sedia ada yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") yang memenuhi kriteria berikut ("**Pelanggan**") sebelum atau semasa Tempoh Promosi:
 - (a) mendaftar untuk HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App ("**HLB Connect**"); dan
 - (b) membuka melalui HLB Connect, satu akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dalam talian ("**Akaun eFD/eFD-i**") dan/atau akaun Bersama Deposit Tetap/Deposit Tetap-i dalam talian ("**Akaun Bersama eFD/eFD-i**").
2. Pelanggan yang telah melakukan atau pihak Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa Pelanggan telah melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh pihak Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bankrap atau bakal dikenakan prosiding insolvensi atau kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect, terma dan syarat yang berkenaan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD/eFD-i Hong Leong **TIDAK** layak menyertai dan/atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi kadar Deposit Tetap/Deposit Tetap-i lain yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

4. Tertakluk pada T&S di sini, pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di atas dan yang membuat peletakan eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i di atas talian ("**eFD/eFD-i**") atau eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i Bersama di atas talian ("**eFD/eFD-i Bersama**") ke dalam Akaun eFD/eFD-i atau Akaun Bersama eFD/eFD-i masing-masing, melalui HLB Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan Minimum dan tidak melebihi Amaun Peletakan Maksimum ("**Amaun Peletakan**") untuk Tempoh yang ditetapkan di bawah semasa Tempoh Promosi ("**Pelanggan Layak**") adalah berhak

untuk menikmati Kadar Promosi eFD/eFD-i yang sepadan seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Tempoh Efektif	Tempoh eFD/eFD-i	Kadar Promosi eFD/eFD-i ¹	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
20 Ogos – 2 September 2026	6 bulan	3.70% setahun	RM1,000	Tertakluk pada had pindahan yang ditetapkan oleh bank berkenaan
	12 bulan	3.65% setahun		

¹ Kadar Promosi mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR) atau mengikut budi bicara pihak Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

5. Bagi tujuan Promosi ini, dana untuk peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mestilah daripada bank-bank lain (iaitu, dana baharu) dan dipindahkan ke Akaun eFD/eFD-i atau Akaun Bersama eFD/eFD-i melalui Financial Process Exchange ("FPX"). Amaun deposit maksimum bagi setiap transaksi adalah tertakluk pada amaun /had pindahan maksimum yang ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
6. Proses peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja dan tarikh efektif peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama adalah pada tarikh pihak Bank berjaya menyempurnakan proses peletakan tersebut. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak disebabkan oleh masa yang diperlukan untuk memproses peletakan tersebut.
7. Peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama hanya boleh dibuat menerusi HLB Connect antara pukul 06:00 pagi hingga 00:00 tengah malam pada sebarang hari semasa Tempoh Promosi, dan atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mesti dibuat sebelum pukul 00:00 tengah malam pada hari terakhir Tempoh Promosi agar peletakan tersebut layak untuk Promosi ini.
8. Pada tarikh matang, Amaun pokok Peletakan eFD/eFD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD/eFD-i masing-masing atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 12), berdasarkan pilihan yang dibuat oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
9. Had saiz dana agregat untuk Akaun eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama Sertaan di bawah Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

Tempoh	Had Saiz Dana
6 bulan	RM900 juta
12 bulan	RM550 juta

10. Jika Had Saiz Dana telah dicapai, sebarang Amaun Peletakan eFD/eFD-i yang melebihi Had Saiz Dana akan tertakluk pada kadar semasa eFD/eFD-i mengikut budi bicara pihak Bank.
11. Pihak Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi dan/atau kriteria/kelayakan untuk Promosi ini dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang telah diubah di laman web pihak Bank di www.hlb.com.my dan www.hlbislamic.com.my ("**Laman Web Bank**") atau mana-mana cara lain yang pihak Bank dapati wajar dan perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh efektif yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan eFD/eFD-i yang telah dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.
12. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan pihak Bank ("**CASA/CASA-i Diperuntukkan**") bagi tujuan mengkreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Untuk eFD/eFD-i, CASA/CASA-i Diperuntukkan mesti di atas nama Pelanggan Layak dan untuk eFD/eFD-i Bersama, CASA/CASA-i Diperuntukkan mesti di atas nama semua Pelanggan Layak dengan mandat pengendalian yang sama dengan Akaun Bersama eFD/eFD-i. Faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
13. Jika eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama tersebut, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang. Tertakluk pada Klausula 16 di sini, faedah/keuntungan hanya akan dikira atas baki amaun pokok setelah pengeluaran dibuat.
14. Pihak Bank berhak untuk menolak dan mendebit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan eFD/eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang daripada amaun pokok Akaun eFD/eFD-i atau Akaun Bersama eFD/eFD-i.
15. Pelanggan Layak dengan produk eFD-i atau eFD-i Bersama bersetuju untuk tidak menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran pramatang eFD-i atau eFD-i Bersama.
16. Pengeluaran sebahagian daripada Amaun Peletakan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama hanya dibenarkan dalam gandaan yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah. Walau bagaimanapun, sekiranya Amaun Peletakan eFD/eFD-i kurang daripada amaun minimum yang perlu dikekalkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah, sebarang pengeluaran sebahagian daripada eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari **keseluruhan** Amaun Peletakan

eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama dan tiada faedah/keuntungan akan dibayar mengikut Klausula 13 di atas.

Jadual 3

Akaun eFD/eFD-i	Pengeluaran Sebahagian Dalam Gandaan	Amaun Minimum Untuk Dikekalkan
eFD eFD Bersama	RM1,000	RM5,000
eFD-i eFD-i Bersama	RM1,000	RM3,000

Untuk tujuan ilustrasi: Kesan Pengeluaran Sebahagian ke atas peletakan eFD

Jadual 4 menggambarkan pengiraan semula faedah berdasarkan contoh peletakan eFD sebanyak RM10,000 untuk tempoh 3 bulan:

Jadual 4

Senario	Pengeluaran Sebahagian	Kesan Terhadap Faedah
Senario A	RM3,000	Faedah hanya akan dikira ke atas baki RM7,000 tersebut bermula dari tarikh peletakan sehingga tarikh matang.
Senario B	RM6,000	Faedah akan dilucuthak kerana baki yang tinggal telah jatuh di bawah syarat pengekalan minimum.

17. eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak kecuali eFD boleh digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit yang dikeluarkan oleh HLB. Sila rujuk [Terma & Syarat Kad Kredit Yang Dijamin dengan Deposit Tetap](#) untuk maklumat lanjut.

UMUM

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju:
- (i) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan Akaun eFD/eFD-i Hong Leong ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem pihak Bank adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan pihak Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah konklusif, muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak;
 - (iv) untuk mengakses Laman Web Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan untuk sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;

- (v) bahawa faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat seumpamanya; dan
 - (vi) untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
19. Pihak Bank berhak:
- (i) dengan memberi notis awal kepada Pelanggan Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S yang terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara paparan dalam Laman Web Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;
 - (ii) untuk membatalkan/menarik balik faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan/atau
 - (iii) untuk menarik balik faedah/keuntungan yang diperolehi jika terdapat sebarang penipuan dan/atau pelanggaran yang dikesan terhadap T&S di sini dan/atau Terma dan Syarat Berkenaan.
20. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diguna pakai setakat percanggahan tersebut.
21. Jika terdapat percanggahan antara T&S di sini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, maka T&S muktamad di dalam Laman Web Bank akan diguna pakai.
22. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i, Akaun Bersama eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dan Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i, eDeposit Tetap-i Bersama dan Akaun Semasa/Simpanan-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.